**LAMPIRAN 1**

## GARIS PANDUAN KEHADIRAN GRADUAN

Para graduan yang akan **HADIR** pada Majlis Konvokesyen **Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Timur 2025** perlulah mematuhi peraturan berikut :

**1.0** **Sila kembalikan** ke Urusetia Majlis Konvokesyen **Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Timur 2025** perkara berikut:

**1.1** Status pengesahan kehadiran KONVO
- Diisi melalui online dalam SPMP (i-konvo) selewat-lewatnya sebelum atau pada **7 Ogos 2025 (Khamis).**
- Surat Pengesahan Hadir (Diserahkan pada hari Pendaftaran Graduan)

**1.2** BAYARAN **RM300.00 (Tiga Ratus Ringgit)** melalui:

**ONLINE TRANSFER / BANK IN** di mana-mana cawangan **MAYBANK**

**NAMA AKAUN: KOPERASI POLITEKNIK HULU TERENGGANU BERHAD**
**NO. AKAUN: 563037051155**

**Sila simpan bukti (pembayaran/resit asal), untuk dimuat naik dalam system SPMP (I-Konvo) dan diserahkan semasa hari pendaftaran graduan dengan mencatatkan **Nama, No. K.P dan No.Pendaftaran** pada slip pembayaran. Bayaran ini tidak akan dikembalikan atas apa jua alasan.*

**1.3** BORANG MAKLUMAT PERSATUAN ALUMNI (Diserahkan pada hari Pendaftaran Graduan)

**1.4** BORANG PENGESAHAN GRADUAN (Diserahkan pada hari Pendaftaran Graduan)

**2.0** **Membuat pendaftaran** pada waktu yang ditetapkan seperti berikut:

**Tarikh : 18 September 2025**
**Tempat : Politeknik Hulu Terengganu**
**Masa :**
**8.30-9.00 pagi : Pendaftaran graduan**
**9.00 – 11.00 pagi : Taklimat alumni dan pengesanan graduan**
**11.00 pagi – 1.00 petang : Pengambilan jubah**
**1.00 – 3.00 petang : Taklimat Pemandu lulusan dan Raptai**

2.1 **Arahan Am bagi Pendaftaran:**

2.1.1 Semua graduan dikehendaki berada di **Politeknik Hulu Terengganu** pada jam 8.30 pagi.

2.1.2 Graduan hendaklah berpakaian kemas dan tidak menjolok mata. Pakaian "jeans" **TIDAK DIBENARKAN**. Graduan lelaki yang berambut panjang dan berfesyen tidak akan didaftarkan dan seterusnya **TIDAK DIBENARKAN** menyertai majlis konvokesyen.

**3.0 Menghadiri Majlis Konvokesyen Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Timur 2025** dengan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.

3.1 **Arahan Am:**

3.1.1 Semua graduan dimestikan memakai jubah konvokesyen yang disediakan oleh pihak Politeknik Hulu Terengganu dan pakaian rasmi seperti yang ditetapkan.

3.1.2 Dimaklumkan bilangan tempat dalam **Dewan Al Muktafi Billah Shah, UNISZA,** adalah terhad. Graduan dibenarkan membawa maksima **2 ORANG** tetamu sahaja.

3.1.3 Graduan, ibubapa atau tetamu **TIDAK DIBENARKAN**:

i) Mengambil gambar pada masa majlis sedang berlangsung.
ii) Keluar dewan setelah majlis bermula.
iii) Merokok di dalam dewan.
iv) Berbual-bual ketika majlis sedang berjalan.
v) Menggunakan telefon bimbit ketika berada dalam dewan.
vi) Memakai pakaian yang menjolok mata dan tidak sesuai.

3.1.4 Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun **TIDAK DIBENARKAN** memasuki dewan.

3.1.5 Ibu bapa & tetamu yang hadir hendaklah memakai pakaian yang kemas dan sopan.

3.2 **Pakaian**

3.2.1 Graduan Lelaki

i. Memakai kemeja berwarna cerah (Putih) yang berlengan panjang, tali leher gelap, seluar panjang gelap (hitam / biru gelap) dan kasut berwarna gelap *ATAU* Baju Melayu berwarna gelap (hitam) beserta sampin dan kasut berwarna gelap. **(kasut sukan dan sandal tidak dibenarkan)**

3.2.2 Graduan Perempuan

i. Memakai baju kurung tradisional *ATAU* kebaya labuh/kebarung dan kasut. Graduan juga dimestikan memakai tudung kepala berwarna cerah (semua warna) tanpa corak.

ii. Graduan yang bukan Islam boleh memakai pakaian pilihan masing-masing dan kasut.

iii. Dilarang memakai pakaian yang tidak sopan seperti jarang, singkat, ketat, dan mendedahkan.

**4.0** Mengembalikan semula jubah konvokesyen dan seterusnya mengambil sijil selepas tamatnya majlis konvokesyen di **Bilik Urusetia AJK Jubah Konvokesyen, Dewan Al Muktafi Billah Shah, UNISZA sebelum 7.30 petang.**

**LAMPIRAN 2**

## GARIS PANDUAN TIDAK HADIR KONVOKESYEN

Para Graduan yang **TIDAK HADIR** pada **Majlis Konvokesyen Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Timur 2025** perlulah melaksanakan tindakan berikut:

**1.0** **Sila kembalikan** ke Urusetia Majlis Konvokesyen **Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Timur 2025** perkara berikut:

1.1 Status pengesahan kehadiran KONVO

- Diisi melalui online dalam SPMP (i-konvo) selewat-lewatnya sebelum atau pada **7 Ogos 2025 (Khamis).**

1.2 BAYARAN **RM180.00 (Seratus Lapan Puluh Ringgit)** melalui:

**ONLINE TRANSFER / BANK IN** di mana-mana cawangan **MAYBANK**

**NAMA AKAUN: KOPERASI POLITEKNIK HULU TERENGGANU BERHAD**
**NO. AKAUN: 563037051155**

**Sila simpan bukti (pembayaran/resit asal), untuk dimuat naik dalam system SPMP (I-Konvo) dengan mencatatkan* ***Nama, No. K.P dan No.Pendaftaran*** *pada slip pembayaran. Bayaran ini tidak akan dikembalikan atas apa jua alasan.*

1.3 BORANG MAKLUMAT PERSATUAN ALUMNI (Dibawa semasa menuntut sijil)

1.4 BORANG PENGESAHAN GRADUAN (Dibawa semasa menuntut sijil)

**2.0** Para graduan perlu mengambil sendiri sijil dan transkrip di Unit Peperiksaan pada atau selepas **24 SEPTEMBER 2025 (RABU), setelah melaksanakan** perkara pada bahagian **1.1-1.4**.

POLITEKNIK MALAYSIA
HULU TERENGGANU

**Carta Alir Hadir/Tidak Hadir Melalui Online Majlis Konvokesyen Politeknik Dan Kolej Komuniti Zon Timur 2025**

Log in ke dalam sistem spmp : *http://spmp.pht.edu.my/ukonvo/konvo_login.jsp dan masukkan No Kp dan No Pendaftaran pelajar untuk Log In.*

↓

Paparan menu Pelajar akan dipaparkan. Sila KLIK pada menu Permohonan Menghadiri Majlis Konvokesyen untuk mengesahkan

↓

Sila Pilih Status Pengesahan Kehadiran dan Isikan maklumat yang diminta sebelum Klik Setuju.

↓

Semakan Pengesahan Status Kehadiran hanya akan dapat di access setelah disahkan oleh Admin i-Konvo.

↓

Sila Cetak Surat Pengesahan Hadir / Tidak Hadir ke Majlis Konvokesyen PHT kali ke-11 bersama-sama bukti pembayaran asal pada atau sebelum **7 Ogos 2025 (Khamis)**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

**Semua Graduan Politeknik Hulu Terengganu, Setinggi Tahniah atas kejayaan semua graduan dalam menamatkan pengajian di Politeknik Hulu Terengganu**

Sebagai satu usaha berterusan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk meningkatkan tahap jaminan kualiti perkhidmatan serta sistem pendidikan tinggi negara, pihak Politeknik Hulu Terengganu memerlukan sokongan, pandangan dan maklumbalas daripada semua graduan. Segala maklumat yang dikongsikan akan digunakan oleh KPT untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta mutu penyampaian perkhidmatan di Politeknik Hulu Terengganu.

Dengan itu semua graduan **DIWAJIBKAN** untuk mengisi maklumat yang diperlukan oleh pihak KPT dengan menjawab soal selidik melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan TVET secara atas talian (*online*) bermula pada **18 SEPTEMBER 2025.** Maklumat berkaitan kajian akan diterangkan semasa taklimat Pengesanan Graduan pada tarikh dan masa seperti di bawah:

| | |
|---|---|
| Tarikh | : 18 September 2025 (Khamis) |
| Masa | : 09.00 Pagi |
| Tempat | : Makmal JPA Aras 2 (DAT & DUP) & Makmal AM Aras 3 (DHR & DRT) |

**Peringatan & Perhatian:**

Bagi graduan yang menghadiri konvokesyen, anda perlu mengemukakan **Borang Pengesahan Status Graduan** (**Lampiran 2**) semasa menghadiri taklimat pengesanan graduan. Bagi graduan yang tidak bekerja dan tidak hadir konvokesyen, sila rujuk carta alir menjawab soal selidik seperti **Lampiran 3**. Pertanyaan lanjut berkaitan Pengesanan Graduan, boleh **hubungi Puan Nurul Aseaking binti Ismail (0139065245) dan Puan Norli Yanawati binti Zakaria (019-6452947).** Maklumbalas anda menerusi sistem maklumat kajian pengesanan graduan ini amat dihargai. Salam hormat dan selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

..................................................

**(Nurul Aseaking binti Ismail)**
Penyelaras Pengesanan Graduan Konvokesyen 2025

# BORANG PENGESAHAN STATUS GRADUAN KONVOKESYEN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI NEGERI TERENGGANU

*** BEKERJA / MELANJUTKAN PENGAJIAN / TIDAK BEKERJA**

* Sila potong yang mana tidak berkenaan.

| | |
|---|---|
| No. Matrix | |
| Nama | |
| No Kad Pengenalan | |
| Jabatan | ☐ JPH ☐ JP |
| Kod Program | |
| Nama Penuh Program | |
| No H/P (Graduan) | |
| No H/P (Penjaga) | |
| E-Mail | |
| | |

SILA SERAHKAN BORANG INI SEMASA **SESI TAKLIMAT PENGESANAN GRADUAN DI MAKMAL POLITEKNIK HULU TERENGGANU**

**** DEFINISI BEKERJA**

Sebarang pekerjaan yang mendapat upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada bekerja sebagai:

1) pekerja kerajaan / pekerjaan swasta (termasuk NGO)
2) sebagai majikan
3) bekerja sendiri
4) *freelance*
5) bekerja dengan keluarga

**PERSATUAN ALUMNI PELAJAR**
**POLITEKNIK HULU TERENGGANU (PAPHT)**
**(PPM-003-11-21042015)**

**NO. AHLI: AM** ☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐

**BORANG KEAHLIAN**
**PERSATUAN ALUMNI PELAJAR POLITEKNIK HULU TERENGGANU (PAPHT)**

NAMA : ____________________________________________

NO. KAD PENGENALAN : ____________________ JANTINA : ☐ LELAKI

NO. PELAJAR : ____________________ ☐ PEREMPUAN

EMAIL : ____________________

NO. TELEFON : ____________________

ALAMAT : ____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

JABATAN PENGAJIAN

☐ PERDAGANGAN

☐ PELANCONGAN DAN HOSPITALITI

BIDANG PENGAJIAN :

☐ DAT ☐ DRT

☐ DUP ☐ DHR

TANDATANGAN AHLI

____________________

NAMA :

TARIKH :

**COP RASMI ALUMNI**